

Peniaga usah tamak untung berlebihan

SIKAP peniaga tidak menaikkan harga barang terutama makanan sewenang-wenang amat dituntut ketika rakyat mulai merasai kesan kenaikan harga minyak dan makanan. Dalam pada itu, kerajaan juga perlu memastikan peniaga yang tidak menaikkan harga dapat meneruskan mata pencarian mereka dengan baik.

Peniaga perlu berintegriti dan mengamalkan sifat bertanggungjawab dengan tidak menaikkan harga barang, terutama makanan sesuka hati kerana ia akan menjejaskan perbelanjaan harian pengguna dan menambahkan lagi bebanan tanggungan kehidupan, terutama yang berpendapatan rendah.

Sikap prihatin dan jujur peniaga amat penting dalam membantu kerajaan memastikan semua rakyat dan negara dapat melalui tempoh sukar kesan daripada kenaikan harga minyak dengan baik. Sikap ini

juga dapat meringankan beban rakyat yang diasak kenaikan harga minyak dunia.

Satu contoh di mana peniaga tidak bersifat jujur ialah ada pengendali bas ekspres dipercayai sengaja mengambil kesempatan menjual tiket pada harga tinggi untuk mencari keuntungan besar, terutama setiap kali akhir cuti persekolahan.

Alasan kenaikan harga petrol dan diesel untuk menaikkan harga tiket sehingga 200 peratus digunakan untuk mengambil keuntungan berlebihan menjual tiket kepada orang ramai.

Rakyat yang menggunakan bas sebagai medium pengangkutan kebanyakannya adalah daripada berpendapatan rendah. Oleh itu, amat malang bagi mereka untuk menjadi mangsa ketamakan pengendali bas dan ulat tiket. Bagaimanapun, memandangkan pengguna bas tidak mempunyai pilihan walaupun perlu membayar beberapa kali ganda un-

tuk sampai ke destinasi masing-masing, mereka terpaksa menggunakan perkhidmatan itu.

Peniaga perlu memikirkan nasib rakyat yang banyak memperuntukkan sebahagian besar pendapatan ke atas bahan makanan. Dilaporkan rakyat di negara ini membelanjakan peratus yang besar pendapatan mereka untuk makanan dan kenaikan harga minyak mengakibatkan peruntukan perbelanjaan itu terus meningkat. Jika ini berlaku, rakyat terpaksa mengurangkan perbelanjaan untuk perkara lain yang turut penting seperti pendidikan dalam mengurus perbelanjaan mereka.

Sehubungan itu, kerajaan perlu memastikan bahawa peniaga tidak menaik harga barang makanan sesuka hati dan terus meletakkan bebanan hidup kepada orang ramai. Kawalan terhadap harga makanan perlu diutamakan kerana kenaikannya yang mendadak pasti menyusah-

kan pengguna.

Kerajaan perlu serius mengawal kadar inflasi di negara ini. Kadar inflasi boleh melonjak tinggi jika kerajaan gagal memberikan tumpuan betul terhadap kenaikan harga makanan, terutama barang kawalan. Tindakan perlu diambil oleh kerajaan dalam memantau supaya peniaga tidak menaikkan harga barang makanan sewenang-wenangnya. Peniaga pula, walaupun kenaikan harga minyak turut memberi kesan kepada perniagaan mereka tidak boleh menaikkan harga dengan sesuka hati.

Mengenai pengendali bas yang sewenang-wenangnya menaikkan tambang, sikap bertanggungjawab dan integriti untuk tidak membebaskan pengguna perlu ada dalam diri mereka. Orang ramai pula boleh membantu mengatasi perkara ini dengan melaporkan kepada pihak berwajib.

Dalam memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan terhadap

orang ramai kesan daripada kenaikan harga, sikap berintegriti seperti menanamkan rasa tanggung jawab, jujur, sayangkan negara perlu ada dalam diri peniaga. Kerajaan pula perlu memantau dan memastikan semua barang kawalan dijual pada harga dibenarkan.

Orang ramai pula diminta berjimat cermat. Contohnya, ramai yang dikatakan sudah mula beralih tumpuan mendapatkan barang keperluan dapur di pasar malam dan pasar tani kerana harganya lebih murah, berbanding di pasar tetap di negeri ini.

Masa untuk bermewah-mewah sudah boleh dilupakan untuk memastikan bahawa rakyat dan negara dapat melalui tempoh sukar kesan daripada kenaikan harga minyak.

DR SAPORA SIPON,
*Universiti Sains Islam Malaysia
(USIM) Nilai, Negeri Sembilan.*